

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.10.2015

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [Kuantan] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) apakah pihak Kementerian sedar bahawa Agensi Pemungut Hutang sering mendedahkan maklumat kewangan individu kepada pihak ketiga tanpa kebenaran, yang jelas bertentangan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; dan

(b) sekiranya ya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebarang aduan yang dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung kebocoran maklumat pelanggan oleh institusi perbankan atau agen yang dilantik oleh institusi perbankan akan disiasat dan tindakan selanjutnya akan diambil di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI). Sekiranya terdapat bukti yang mencukupi untuk mensabitkan pelaku terbabit di bawah APK dan APKI, pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10 juta atau dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

2. Institusi perbankan bertanggungjawab ke atas sebarang salah laku yang dilakukan oleh agen pemungut hutang yang dilantik. Dalam hal ini, tindakan akan diambil ke atas institusi perbankan sekiranya mereka gagal dalam melaksanakan kawalan dalaman yang efektif ke atas agen berkenaan dalam memastikan kerahsiaan maklumat pelanggan terpelihara sepanjang masa. Tindakan yang diambil oleh BNM terhadap institusi perbankan atas pelanggaran peruntukan kerahsiaan termasuk mengkompaun atau mendakwa pesalah di bawah undang-undang, mengarahkan institusi perbankan supaya mengukuhkan kawalan dalaman

terhadap keselamatan maklumat pelanggan, mengkaji semula pengaturan penyumberan luar (*outsourcing arrangement*) dan memastikan pihak institusi perbankan menggiatkan lagi pelaksanaan audit dalaman atau audit bebas yang mana hasil laporan mengenainya perlu dimaklumkan kepada BNM. Selain itu, tindakan yang boleh diambil oleh institusi perbankan ke atas agensi pemungut hutang pula termasuklah menamatkan perkhidmatan agensi pemungut hutang atau mendakwa mereka di mahkamah atas sebab pelanggaran perjanjian perkhidmatan.